

Headline	Ibu hamil, kembar Iran antara pelajar baru UPM		
Date	05. Jul 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	12
Section	Dlm Negeri	Article Size	128 cm <sup>2</sup>
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color



## Ibu hamil, kembar Iran antara pelajar baru UPM

KUALA LUMPUR 4 Julai - Seorang Ibu hamil dan pasangan kembar dari Iran merupakan antara 471 pelajar asing yang mendaftar sebagai pelajar baru di Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Ketua Bahagian Antarabangsa UPM, Nor Adida Abd. Khalid berkata, seramai 387 daripada mereka mendaftar sebagai pelajar pasca sisiswazah merangkumi program sarjana dan doktor falsafah (Ph.D) sementara 84 daripadanya pelajar peringkat prasiswazah.

"Jumlah ini dijangka terus meningkat sehingga ke tarikh akhir pendaftaran pada 7 Julai ini," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Nor Adida berkata, pelajar-pelajar tersebut datang dari seluruh pelosok dunia meliputi Asia Barat, Asia Tenggara dan Eropah.

"Kami juga akan mengadakan beberapa seminar penerangan sempena Program Mengalui-alukan Kedatangan Pelajar Antarabangsa supaya mereka lebih mengetahui Malaysia dan universiti ini," ujarnya.

Pelajar jurusan Linguistik Bahasa Inggeris, **Maryam Jahedi**, 36, berkata, walaupun sedang hamil enam bulan, dia tetap tidak akan mengubah niatnya untuk belajar di UPM.

"Saya membuat keputusan untuk belajar di Malaysia semasa melancong ke sini dua tahun lalu kerana masyarakat di negara ini peramah dan negara ini bersih."

Beliau memilih UPM kerana ia terkenal di Iran sebagai sebuah universiti penyelidikan.

Pasangan kembar **Mohammed Khosroviani** dan **Ali Khograviani**, 23, memilih jurusan Pentadbiran Perniagaan kerana memiliki cita-cita yang sama dalam bidang pengurusan.

Mohammed berkata, mereka memilih UPM kerana universiti itu terkenal di Iran dan status Islam sebagai agama rasmi di Malaysia bersesuaian dengan cara hidup mereka.

**Rajagopalan Prabu**, 27, dari India pula tertarik dengan kepakaran UPM dalam bidang bioteknologi sehingga mendorongnya menyambung pelajaran peringkat Ph.D di universiti itu.

"Walaupun berdepan dengan kesukaran berkomunikasi dalam bahasa Melayu, saya berazam untuk mempelajarinya dalam masa terdekat," katanya.

Pelajar Sarjana Kejuruteraan Pembuatan tajaan kerajaan Fiji, **Jeke Pai**, 24, berkata, UPM adalah antara universiti terbaik di rantau Asia dan dia juga berhasrat untuk menjalani kajian praktikal di kilang Proton.